



KENYATAAN MEDIA

E-mel PALSU Bayaran Balik Cukai Terlebih Bayar

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) menerima banyak panggilan dan pertanyaan berkenaan e-mel yang diterima oleh orang ramai daripada alamat Tax-Payment@hasil.gov.my berkaitan lebihan cukai sebanyak RM700.00 yang boleh dikembalikan kepada mereka. Di sini LHDNM ingin memaklumkan serta mengesahkan bahawa e-mel tersebut adalah PALSU dan ia BUKAN dihantar oleh LHDNM.

Orang ramai yang menerima e-mel tersebut dinasihatkan untuk tidak membuka e-mel daripada alamat e-mel yang dinyatakan seperti di atas. Jika e-mel tersebut telah dibuka, mohon kerjasama untuk menghapuskannya serta tidak memberikan sebarang maklumbalas terhadap arahan yang terkandung di dalamnya.

Harap maklum bahawa setiap data dan maklumat pembayar cukai adalah dijamin selamat dalam simpanan LHDNM. Sebarang pertanyaan dan kemosykilan berkaitan hal ini boleh diajukan kepada **Pusat Khidmat Pelanggan LHDNM** di talian **1-300-88-3010** atau melalui e-mel callcentre@hasil.gov.my.

SEKIAN, TERIMA KASIH

Dikeluarkan oleh	:	Masrun bin Maslim Pegawai Perhubungan Awam Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia
Tarikh	:	21 Julai 2010
Nombor Telefon	:	03-6203 1380
Nombor Faks	:	03-6201 2434
Pusat Khidmat Pelanggan	:	1-300-88-3010 www.hasil.gov.my